

# Kefahaman seni, persepsi madani

UB 30.4.2017 83



**CATATAN  
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS**

**SENI** dalam bentuk apa sekalipun menggamit penilaian serta kefahaman khalayak.

Seni dicipta biasanya tidak menampakkan tanda yang jelas kerana setiap disiplin seni sengaja tercipta menurut pengalaman bawah sadar seniman yang kadang kala mempamerkan kekaburan bentuk dan makna.

Sering kali seni akan mengekalkan kekaburan tersebut secara sengaja atau tidak agar mendapat spekulasi atau terjemahan berdasarkan pengalaman atau persepsi khalayak.

Oleh itu sering kali kita terdengar ungkapan yang mengatakan lukisan itu cantik, indah dan menarik atau suara merdu, paparan mempesonakan atau lakonan yang menggetarkan penonton.

Dalam konteks yang lain kadangkala seni juga mendapat teguran atau hukuman negatif kerana salah penilaian odiun atau tidak mencapai tahap cita rasa mereka. Sering kali terdengar teguran seperti

karya yang tidak menarik atau hasil yang boleh di buat oleh kanak kanak.

Dalam hal tersebut seni moden juga tidak ketinggalan mendapat penilaian yang serupa terutamanya karya moden yang mirip kepada aliran Abstrak Ekspresionis yang mengutarakan contengan serta pewarnaan sembrono di atas kanvas misalnya seperti karya Yusuf Ghani, Awang Damit dan Fauzan Omar. Begitu juga halnya dengan lukisan realisme yang biasanya mempersonakan khalayak dengan keterampilan yang halus sehingga melahirkan karya berbentuk hyper.

Biasanya ramai odiun yang sangat mesra dengan karya berbentuk tampak atau visual aliran realisme yang memperlihatkan keterampilan pelukis menimbulkan imej realistik di atas kanvas serta teknik yang di gunakan oleh pelukis.

Khalayak hanya ghairah melihat imej yang di paparkan di atas kanvas sambil mereka menilai sama ada bentuk figura atau landskap itu serupa dengan apa yang di lihat di dalam alam semula jadi. Mereka lebih tertarik kepada yang diminati mereka tetapi tidak memberikan peluang kepada gambaran yang asing dari pengalaman atau kebiasaan mereka.

Biasanya masyarakat sangat mesra dengan karya jenis 'Tampak', visual yang dilihat daripada karya jenis 'temporal', ia itu karya abstrak atau yang memerlukan pentafsiran minda dan mendalam kerana karya berbentuk visual mudah di tafsir kerana ia lebih senang di bandingkan dengan pengalaman serta

pengetahuan yang pernah alami umpama melihat sebuah karya seni lukis bentuk landskap kampung dan desa, portrait orang terkenal dan alam benda serta alam semula jadi.

Oleh itu khalayak beranggapan bahawa seni itu subjektif dan mudah maka tiada syarat tertentu untuk menilainya hanya menurut kebebasan individu. Jika diteliti secara umum terdapat juga setiap bangsa membuat penilaian karya berdasarkan kepada kepercayaan agama, budaya, dan sosial mereka umpamanya bangsa China akan menilai seni visual klasik China tidak sama dengan karya dari India atau Barat kerana setiap peradaban bangsa mempunyai nilai nilai tertentu.

Ambil sahaja contoh karya klasik China perlu mempunyai bahasa seni visualnya yang melukis menegak dan tidak melintang seperti konvensi sebuah kelaziman karya sejagat begitu juga halnya arca Greek purba perlu di lihat dengan tepat serta sempurna sebagai sebuah arca yang sepadan dengan keagungan dewa dan tuhan seperti Apollo, Zeus dan Milo, apabila menilai karya tersebut odiun perlu mengikuti syarat serta hukum hakam (Cannon) menilai yang ketat serta tinggi pula pantang larangnya.

Selain dari itu apabila odiun membuat penilaian sesebuah karya visual biasanya mereka akan melihat imej yang di hasilkan sama ada ia tepat pada tanggapan mereka atau mereka juga membuat tekaan atau spekulasi terhadap niat pelukis dengan mencari tanda atau simbol

yang boleh dikaitkan dengan makna karya tersebut sama ada sebuah karya klasik ataupun modern.

Di samping itu setiap karya mempunyai berbagai pendekatan untuk di nilai dan di fahami maknanya maka ramai dari kalangan masyarakat umum yang berpandangan kata kata seperti 'Hanya Jauhari yang mengenal Manikam' dan menurut pepatah Inggeris berbunyi 'Beauty in the eye of Beholder' atau keindahan itu dilihat oleh mata si pemujanya maka banyak pendekatan sendiri yang di buat oleh khalayak apabila menilai sesebuah karya menurut cita rasa mereka.

Walaubagaimanapun proses membuat penilaian sebegitu rupa tidak ada salahnya kerana setiap karya yang dicipta dan di pameran memerlukan odiun yang perlu membuat keputusan sama ada sebuah karya itu bermutu atau pun tidak berdasarkan pengalaman serta persepsi mereka.

Sepertimana yang di jelaskan di atas tadi setiap karya seni biasanya di nilai mengikut cita rasa atau nilai sesebuah masyarakat menurut perkembangan tamadun mereka kerana tidak ada kata sepakat dari pihak yang berkuasa seluruh dunia yang boleh menentukan cara yang paling sesuai untuk menilai karya seni sejagat melainkan melalui pendidikan ilmiah.

Oleh sebab itu membuat penilaian seni memerlukan kebiasaan melihat dan mengetahui unsur penilaian seni dalam sesebuah budaya dan bangsa. Karya seni juga tidak sama kaedah menilai nya walaupun matlamatnya serupa ia itu mencari makna dan nilai sesuatu disiplin

serta jenis karya seni.

Umpamanya menilai sebuah karya tarian biasanya khalayak akan melihat unsur yang di fahami mereka umpamanya mereka akan menilai pakaian atau kostium penari, jenis tarian yang di persembahkan sama ada tarian baru atau yang sudah diulang ulang, melihat paras rupa kecantikan penari, iringan muzik tarian, alat tradisional, konsep yang berbentuk komersial, improvisasi atau fusion.

Menurut En. Sharif Zainal Sharif Shek pula seorang koreografer negeri Sabah yang terkenal apabila berbincang tajuk penilaian tarian klasik sejagat umpamanya tarian Bharatanatyam, sebuah tarian klasik Hindu dari India yang berasal dari ritual agama mempunyai syarat yang sangat ketat serta pantang larang yang banyak yang perlu dipenuhi jika menilainya tarian tersebut kerana khalayak akan melihat sejauh mana keupayaan yang dapat dicapai oleh penari dalam membuat gerakan susah serta kompleks berdasarkan gerak badan dan kedudukan posture termasuk juga pengetahuan penari atau yang di panggil 'korie'.

Perkara yang sama berlaku apabila menilai teks atau pun pengucapan puisi biasanya khalayak akan melihat pembaca sama ada segak atau tampan serta lontaran suara penyair sama ada bertenaga, lincah menyampaikan bait bait puisinya atau mencipta persona gerak lakunya ketika mendeklamasi, menjaring kata atau juga diksi penyair sambil mencari makna melalui semantik yang tepat

terdapat dalam sesebuah karya puisi yang dianggap remeh oleh khalayak kerana asal usul puisi adalah dari pantun serta syair tradisional. (Lokman Samad, 2017)

Kesimpulannya khalayak sering membuat penilaian sendiri berdasarkan kebiasaan mereka atau tanggapan yang dibuat berkemungkinan tidak tepat kerana apabila membuat penilaian biasanya seseorang itu membawa emosi dan kecenderungan menghukum (bais) menurut nafsu dan pendapat sendiri tanpa merujuk kepada tanda atau simbol yang tersirat kerana kebanyakan karya seni mempunyai lapisan halimunan tidak terlihat secara menerjah.

Umpama merungkai benang yang kusut atau membuka lapisan kulit

sebihi bawang setiap lapisan menemukan interpretasi yang berbagai-bagai. Selain dari itu kadang kala penilai tidak berupaya membaca premis yang lateral untuk membuat penilaian yang saksama kerana mereka dipengaruhi oleh makna literalnya semata mata.

Untuk tujuan itu khalayak sepatutnya mempunyai sifat keterbukaan memperbanyakkan ruang mendedahkan diri kepada pelbagai genre serta disiplin seni agar sifat menilai sehati dengan diri mereka secara kritikal kerana sifat seni itu yang dianggap subjektif tidak mudah ditafsirkan menurut sesuka hati kerana pengalaman mengenal seni dan mengelamun dengan estetika satu nikmat yang tidak terkira nilainya kepada kepuasan diri dan juga khalayak.

**\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\***